

# Negara perlu tumpu tingkatkan kemahiran (P) teknologi — Dr. Mahathir

U.M. 29 AUG 1992

PULAU PINANG 28 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, negara hendaklah memberi tumpuan mempertingkatkan kemahiran teknologinya supaya ia dapat mengekalkan daya saing dalam pasaran terbuka dalam abad ke-21.

Katanya, Malaysia mesti memikirkan strategi dan pendekatan yang baru terhadap pendekatan lama iaitu pelaburan asing jika ia ingin terus mengekalkan kelebihan untuk bersaing dengan lain-lain negara membangun.

Berucap merasmikan bangunan baru penyejidikan dan pembangunan (R&D) kilang Robert Bosch (Malaysia) Sdn. Bhd. di sini pagi ini, beliau berkata, pendekatan baru perlu kerana sedang wujudnya pesaing baru untuk modal dan pelaburan asing.

Perdana Menteri berkata, dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju dengan sektor perkilangan sebagai jentera penggerakannya, negara harus sentiasa mengikuti per-

kembangan dan kecanggihan dunia yang pesat berubah.

Menurutnya, Malaysia telah berjaya menduduki tahap kemakmuran yang ada sekarang berasaskan pelbagai faktor yang mana gabungannya memberikan negara ini banyak kelebihan sehingga dapat menarik pelaburan asing dari seluruh dunia.

Beliau berkata, berikutan rombakan yang ketara dalam suasana geo politik dunia sejak robohnya Tembok Berlin dan berpecahnya Soviet Union serta negara-negara Pakatan Warsaw, kedudukan negara pada abad ke-21 mungkin tidak begitu selesa.

Katanya, saingan untuk modal dan pelaburan asing akan menjadi lebih sengit dengan wujudnya lokasi yang lebih daya saing dari segi kos pengeluaran seperti Vietnam, Cina, negara-negara Eropah Timur, Mexico dan negara-negara Amerika Latin lainnya.

Pada hemat beliau, jika negara mahu mencapai matlamat Wawasan 2020, ia harus me-

numpukan perhatian kepada aspek teknologi, sistem, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pembangunan sumber tenaga manusia seperti negara-negara maju sebelum ini.

Dr. Mahathir berkata, sebagai sebuah negara pengimport teknologi, Malaysia memerlukan saluran yang berkesan bagi tujuan pemindahan teknologi.

"Jika proses pemindahan itu berkesan, kemungkinan kita dapat mengurangkan jurang teknologi yang kini wujud antara Malaysia dengan negara-negara maju adalah baik," tambah Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berharap agensi-agensi kerajaan seperti SIRIM dan MIMOS serta syarikat-syarikat tempatan melipatgandakan usaha masing-masing dalam bidang R&D agar usaha itu dapat memenuhi kehendak negara menjelang abad ke-21.

Perasmian bangunan baru R&D itu ialah sempena sambutan ulang tahun ke-20 kilang berkenaan di negeri ini.